

Persepsi Masyarakat Bukan Islam Terhadap Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 146-155
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 29 Jun 2022
Accepted: 11 September 2022
Published: 30 September 2022

[Perception of Non-Muslim Toward Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)]

Nurul Fadzlina Mohd Asri & Jaffary Awang¹

¹ Pusat Kajian Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: jaffary@ukm.edu.my

* Corresponding Author: jaffary@ukm.edu.my

Abstrak

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) adalah sebuah institusi yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat bukan Islam di Kelantan khususnya. Namun kini, JAHEAIK menjadi perhatian dalam kalangan rakyat terutamanya masyarakat bukan Islam di negeri Kelantan atas beberapa faktor yang berada di bawah kuasanya. Isu tersebut telah menjadikan JAHEAIK sebagai bahan perbincangan dalam kalangan masyarakat bukan Islam dan memberi kesan terhadap persepsi masyarakat bukan Islam terhadap JAHEAIK. Maka, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi masyarakat bukan Islam terhadap peranan JAHEAIK secara jelas. Sebanyak 384 set soal selidik telah diedarkan kepada responden meliputi tiga kawasan utama iaitu bandar, luar bandar dan pinggir bandar di negeri Kelantan. Sampel dipilih dengan menggunakan pensampelan mudah. Kemudian, data daripada kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif menggunakan perisian SPSS 28.0. Hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap fungsi JAHEAIK adalah sederhana dengan nilai min purata 3.14. Penglibatan masyarakat bukan Islam bersama program anjuran JAHEAIK adalah rendah.

Kata kunci: Persepsi, Bukan Islam, JAHEAIK, Kelantan

Abstract

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) is an institution with close relations with the non-Muslim community in Kelantan. Nevertheless, due to several factors under its jurisdiction, JAHEAIK is becoming the centre of attraction among the people, especially the non-Muslim community in the state of Kelantan. The issue has become a topic of discussion among the non-Muslim community and impacts the non-Muslim community's perception of JAHEAIK. Therefore, this study aims to obtain information about the non-Muslim community's perception of the role of JAHEAIK. Three hundred eighty-four sets of questionnaires were distributed to respondents covering three main areas, namely urban, rural and suburban, in Kelantan. The sample is selected using convenience sampling. Then, data from the study were analyzed using descriptive statistics using SPSS 28.0 software. The study's results found that the respondents' perception of the JAHEAIK function was moderate, with an average mean value of 3.14. The involvement of the non-Muslim community with programs organized by JAHEAIK is marginal.

Keywords: Perception, Non-Muslim, JAHEAIK, Kelantan

Cite This Article:

Nurul Fadzlina Mohd Asri & Jaffary Awang. (2022). Persepsi Masyarakat Bukan Islam Terhadap Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) [Perception of Non-Muslim Toward Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 146-155.

Pengenalan

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) adalah salah satu agensi agama kerajaan negeri yang memainkan peranan dalam membantu kerajaan negeri dalam urusan pentadbiran. JAHEAIK menjadi tumpuan masyarakat beragama Islam umumnya akan tetapi dalam beberapa aspek, masyarakat bukan Islam turut serta terlibat dalam penglibatan program bersama JAHEAIK. Sebagai sebuah jabatan agama Islam, JAHEAIK bersama-sama menjayakan program bersama masyarakat bukan Islam seperti ziarah sempena hari kebesaran, bantuan makanan dan kursus bagi mendapatkan sijil halal. Sejarah hubungan baik yang terjalin antara masyarakat beragama Islam dan bukan Islam sejak sekian lama memberi pengaruh kepada penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap JAHEAIK secara khusus dan agama Islam secara umumnya.

JAHEAIK sejak awal penubuhannya iaitu pada tarikh 1 Januari 1980 berperanan untuk membantu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam mempertingkatkan aktiviti-aktiviti dakwah dan pembangunan hal ehwal Islam di Kelantan. Saban tahun, JAHEAIK terus berkembang daripada sudut bidang tugas bagi memenuhi tuntutan semasa dan struktur perjawatan serta pentadbirannya.

Fungsi JAHEAIK digariskan secara jelas dalam menjalankan usaha dakwah kepada penduduk di Kelantan. Antara fungsi JAHEAIK adalah:

- a. Melaksanakan dasar dan peraturan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam yang terkandung dalam enakmen yang diputuskan oleh kerajaan negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- b. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan dakwah kepada seluruh masyarakat di Kelantan.
- c. Merancang dan melaksanakan program pembangunan kerohanian dan jati diri masyarakat.
- d. Melaksanakan undang-undang agama Islam berteraskan konsep “Amar Makruf Nahi Mungkar”
- e. Melaksanakan program-program pembangunan institusi keluarga bahagia mengikut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam.
- f. Membuat kajian dan penyelidikan serta penilaian terhadap isu-isu Hal Ehwal Islam yang merangkumi aspek-aspek akidah, kekeluargaan, moral, sosial, bahan-bahan terbitan, pemakanan ‘Halalan Toyyyiban’ dan lain-lain. (JAHEAIK 2022)

JAHEAIK juga berperanan dalam menjalankan program bersama masyarakat bukan Islam di Kelantan. Oleh itu, pelbagai program dijayakan bagi menarik minat masyarakat bukan Islam sebagai salah satu usaha sosial selain secara tidak langsung menjalankan peranan dakwah.

Hal ini menjadikan JAHEAIK menjadikan agensi agama negeri yang terlibat secara langsung bersama masyarakat bukan Islam. JAHEAIK mendekati masyarakat bukan Islam daripada kalangan etnik Cina, India, Orang Asal dan Siam. Selain itu, JAHEAIK juga menganjurkan beberapa program sosial seperti bengkel sijil halal kepada pengusaha makanan bukan Islam bagi menjalankan fungsi memperkenalkan pemakanan “Halalan Toyyiban” , mengagihkan bantuan sempena perayaan dan menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Data yang diperoleh juga menunjukkan bilangan pengusaha makanan bukan Islam yang terlibat dengan bengkel sijil halal semakin bertambah saban hari bagi menunjukkan salah satu penerimaan baik daripada kalangan masyarakat bukan Islam terhadap JAHEAIK (JAHEAIK 2018). Seterusnya, JAHEAIK menjalankan aktiviti dakwah bersama masyarakat bukan Islam melalui program seperti program *Street Dakwah*.

JAHEAIK kembali menjadi tumpuan masyarakat di bukan Islam Kelantan apabila pada September 2017, JAHEAIK telah mengeluarkan notis kepada seorang lelaki Muslim yang berseluar pendek di khalayak ramai. Hal ini menimbulkan maklum balas yang pelbagai daripada kalangan masyarakat bukan Islam sebagai tindak balas kepada penguatkuasaan tersebut (Anwar Hussien 2017). Oleh itu, JAHEAIK telah mengambil inisiatif menjelaskan kepada masyarakat bukan Islam di Kelantan melalui sidang akhbar supaya tidak perlu bimbang terhadap tindakan yang telah dikenakan kerana undang-undang tersebut hanya terpakai kepada masyarakat Islam sahaja (Rosliza Mohamed 2017). Kesan daripada itu, pelbagai persepsi telah wujud dalam kalangan masyarakat bukan Islam di Kelantan terhadap JAHEAIK.

Oleh itu, satu kajian dibuat bagi mendapatkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap JAHEAIK secara umum di Kelantan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk bagi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal bagi memperoleh data empirikal. Sampel dipilih dengan menggunakan sampel mudah. Seramai 384 orang responden telah dipilih berumur dalam lingkungan 13 hingga 75 tahun. Populasi kajian adalah melibatkan kawasan bandar, luar bandar dan pinggir bandar. Manakala temu bual secara bersemuka dilakukan bersama pegawai JAHEAIK dan pegawai agama jajahan serta wakil bagi agama bukan Islam bagi mendapatkan gambaran umum dan membantu kajian ini. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk melihat secara menyeluruh demografi bagi subjek kajian seperti jantina, umur, taraf pendidikan, agama, tempat tinggal dan lain-lain. Kaedah ini juga digunakan bagi mendapatkan skor min dan sisihan piawai bagi mendapatkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap peranan JAHEAIK.

Penyelidik menggunakan interpretasi skor min bagi menganalisis data kajian seperti dalam jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1 Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
4.21-5.00	Sangat Tinggi
3.40-4.20	Tinggi

2.61-3.40	Sederhana
1.81-2.60	Rendah
1.00-1.80	Sangat Rendah

Sumber: Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004)

Profil Demografi

Responden soal selidik kajian terdiri daripada kaum Cina 171 orang (44.5%), kaum India 12 orang (3.1%), Orang Siam 166 orang (43.2%) dan Orang Asal 30 orang (7.8%) serta lain-lain 5 orang (1.3%). Majoriti penganut agama Buddha seramai 288 orang (75.0%), agama Kristian pula 67 (17.4%) orang, Hindu 9 (2.3%) orang dan lain-lain adalah 20 (5.2%) orang.

Responden kajian ini terdiri daripada lima kategori iaitu sektor kerajaan, sektor swasta, bekerja sendiri, tidak bekerja dan lain-lain. Responden yang bekerja di sektor kerajaan seramai 30 orang (7.8%), 112 orang (29.2%) bekerja di sektor swasta, 117 orang (30.5%) bekerja sendiri manakala 72 orang (18.8%) tidak bekerja dan baki 53 orang (13.8%) adalah lain-lain. Dari segi tahap pendidikan pula responden yang memiliki PMR/SRP seramai 45 orang (11.7%), 80 orang (20.8%) orang memiliki SPM/O-Level/Sijil. Bagi STPM/Diploma seramai 89 orang (23.2%), Sarjana Muda/Sarjana/PhD seramai 46 orang (12.0%) manakala lain-lain adalah 124 orang (32.3%). Pemilihan responden dibuat secara pensampelan mudah.

Satu set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian mendapatkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap JAHEAIK. Pembahagian item dalam soal selidik meliputi maklumat demografi (9 item) dan persepsi terhadap JAHEAIK (9 item). Instrumen kajian yang digunakan telah diuji kebolehpercayaannya dengan nilai Cronbach yang diperoleh adalah 0.819 (Jadual 1.2).

Jadual 1.2 Nilai Alpha bagi konstruk soal selidik

Konstruk	N	Nilai Alpha
Profil Demografi	9	-
Persepsi	9	0.819

Sumber: Soal selidik 2021

Data dianalisis secara statistik deskriptif. Statistik kekerapan dan deskriptif digunakan untuk mengenal pasti taburan data mengenai persepsi responden tentang JAHEAIK. Penganalisisan data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 28.0.

Persepsi Masyarakat Bukan Islam Terhadap JAHEAIK

Persepsi masyarakat bukan Islam terhadap peranan JAHEAIK berdasarkan skor min dan sisihan piawai ditunjukkan dalam Jadual 1.3 di bawah:

Jadual 1.3 Pandangan masyarakat bukan Islam terhadap peranan JAHEAIK

Bil.	Item	Kekerapan dan Peratus (N=384)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
D01	JAHEAIK adalah satu jabatan pembangunan Islam di Kelantan.	2 (0.5)	22 (5.7)	107 (27.9)	179 (46.6)	74 (19.3)	3.78	0.879	Tinggi
D02	Saya tahu JAHEAIK menjalankan pelbagai program bersama masyarakat bukan Islam.	22 (5.7)	49 (12.8)	228 (59.4)	55 (14.3)	30 (7.8)	3.05	0.997	Sederhana
D03	JAHEAIK memberi bantuan barang keadaan masyarakat bukan Islam.	9 (2.3)	62 (16.1)	200 (52.1)	81 (21.1)	32 (8.3)	3.16	0.879	Sederhana
D04	JAHEAIK turut menyantuni masyarakat bukan Islam di Kelantan.	14 (3.6)	58 (15.1)	225 (58.6)	53 (13.8)	33 (8.6)	3.08	0.880	Sederhana
D05	Saya pernah diziarahi oleh JAHEAIK sempena perayaan	31 (8.1)	59 (15.4)	223 (58.1)	39 (10.2)	31 (8.1)	2.94	0.950	Sederhana
D06	Saya mengetahui JAHEAIK mengeluarkan sijil halal untuk penjual makanan yang beragama Islam dan bukan Islam.	6 (1.6)	50 (13.0)	196 (51.0)	94 (24.5)	38 (9.9)	3.40	2.729	Tinggi
D07	Saya suka dengan program dakwah anjuran JAHEAIK.	23 (6.0)	86 (22.4)	227 (59.1)	26 (6.8)	22 (5.7)	2.83	0.858	Sederhana

D08	JAHEAIK menjalankan pelbagai program yang bermanfaat kepada saya.	25 (6.5)	72 (18.8)	213 (55.5)	44 (11.5)	29 (7.6)	2.94	0.930	Sederhana
	Min Keseluruhan						3.14	1.132	

Sumber: Soal selidik 2021

Jadual di atas menunjukkan 8 item bagi mengukur persepsi responden terhadap peranan JAHEAIK dalam pandangan masyarakat bukan Islam di Kelantan. Item-item tersebut adalah melibatkan peranan dan fungsi JAHEAIK sebagai agensi agama Islam dari sudut perspektif masyarakat bukan Islam.

Jadual 1.4 Skor min dan sisihan piawai aspek fungsi utama

Bil.	Item	Kekerapan dan Peratus (N=384)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
D01	JAHEAIK adalah satu jabatan pembangunan Islam di Kelantan.	2 (0.5)	22 (5.7)	107 (27.9)	179 (46.6)	74 (19.3)	3.78	0.879	Tinggi
	Min Keseluruhan						3.78	0.879	

Sumber: Soal selidik (2021)

Item pertama adalah melibatkan fungsi umum JAHEAIK iaitu (D01 JAHEAIK adalah satu jabatan pembangunan Islam di Kelantan min=3.78 sp=0.838). Berdasarkan keputusan nilai min yang tinggi, masyarakat bukan Islam di Kelantan mengetahui bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) adalah satu jabatan yang melaksanakan dasar yang berkaitan hal ehwal agama Islam. Hal ini juga disokong oleh informan bahawa masyarakat bukan Islam di Kelantan mengetahui bahawa JAHEAIK adalah sebuah jabatan yang mengawal selia hal agama Islam. Selain itu, informan lain juga memperakui bahawa masyarakat bukan Islam mengenali JAHEAIK sebagai satu agensi agama. Walaupun pada hakikatnya masyarakat Melayu-Islam sendiri juga sering tertukar peranan dan fungsi antara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Begitu juga masyarakat bukan Islam, mereka mengenali JAHEAIK dan MAIK ini sebagai satu agensi agama yang mengawal selia hal ehwal bagi orang Islam. Oleh itu, secara umumnya masyarakat bukan Islam mengetahui bahawa fungsi utama JAHEAIK sebagai salah satu agensi yang mengawal selia dasar dan perlaksanaan hal ehwal masyarakat agama Islam.

Jadual 1.5 Skor min dan sisihan piawai aspek peranan

Bil.	Item	Kekerapan dan Peratus (N=384)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
D02	Saya tahu JAHEAIK menjalankan pelbagai program bersama masyarakat bukan Islam.	22 (5.7)	49 (12.8)	228 (59.4)	55 (14.3)	30 (7.8)	3.05	0.997	Sederhana
D03	JAHEAIK memberi bantuan barang keadaan kepada masyarakat bukan Islam.	9 (2.3)	62 (16.1)	200 (52.1)	81 (21.1)	32 (8.3)	3.16	0.879	Sederhana
D04	JAHEAIK turut menyantuni masyarakat bukan Islam di Kelantan.	14 (3.6)	58 (15.1)	225 (58.6)	53 (13.8)	33 (8.6)	3.08	0.880	Sederhana
D05	Saya pernah diziarahi oleh JAHEAIK sempena perayaan	31 (8.1)	59 (15.4)	223 (58.1)	39 (10.2)	31 (8.1)	2.94	0.950	Sederhana
Min Keseluruhan							3.05	0.926	

Sumber: Soal selidik (2021)

Manakala bagi item peranan JAHEAIK bersama masyarakat bukan Islam adalah D02 hingga D05; (D02 Saya tahu JAHEAIK menjalankan pelbagai program bersama masyarakat agama Islam dan bukan Islam) min=3.05 sp=0.997; (D03 JAHEAIK memberi bantuan barang keadaan kepada masyarakat bukan Islam) min=3.16 sp=0.879; (D04 JAHEAIK turut menyantuni masyarakat bukan Islam di Kelantan min=3.08 sp=0.880); (D05 Saya pernah diziarahi oleh JAHEAIK sempena perayaan min=2.94 sp=0.950); (D06 Saya mengetahui JAHEAIK mengeluarkan sijil halal untuk penjual makanan yang beragama Islam dan bukan Islam) min=3.40 sp=2.729. Nilai skor min bagi item D02 hingga D06 adalah pada skor yang sederhana. Hal ini menunjukkan masyarakat bukan Islam masih belum sepenuhnya mengetahui perlaksanaan program-program yang dianjurkan oleh JAHEAIK.

Pada dasarnya, JAHEAIK berperanan utama dalam melaksanakan dasar berkaitan hal ehwal agama Islam di Kelantan, akan tetapi JAHEAIK turut menjalankan pelbagai program bersama masyarakat bukan Islam. Menurut informan menyatakan bahawa hubungan yang terjalin antara JAHEAIK dan masyarakat bukan Islam di Kelantan adalah melalui program yang telah dianjurkan oleh JAHEAIK. Selain itu, beliau memperakui bahawa tahap pengetahuan

masyarakat bukan Islam terhadap program-program JAHEAIK masih pada tahap yang sederhana.

Menurut salah seorang informan berbangsa India menyatakan bahawa beliau dan ahli keluarganya mengenali JAHEAIK kerana ingin mendapatkan sijil halal bagi perusahaan rempah-ratus yang diusahakan oleh ahli keluarganya. Selain itu, beliau terlibat dengan pemberian amal daripada JAHEAIK sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerana penularan COVID-19. Akan tetapi, berbeza dengan salah seorang informan beragama Buddha yang menyatakan bahawa beliau tidak pernah terlibat dengan mana-mana program yang dianjurkan oleh JAHEAIK dan tidak pernah mendapat sebarang sumbangan. Walaupun begitu, beliau berbesar hati untuk menjalinkan kerjasama bersama JAHEAIK pada masa akan datang. Menurut informan seorang sami Buddha pula menyatakan bahawa wat mereka tidak pernah terlibat dengan sebarang aktiviti dengan JAHEAIK malah beliau juga tidak mengenali JAHEAIK. Oleh itu, persepsi yang baik bagi menaikkan imej JAHEAIK di mata masyarakat bukan Islam adalah dengan mempergiatkan lebih banyak program bersama mereka di setiap jajahan di Kelantan.


Jadual 1.6 Skor min dan sisihan piawai aspek maklumbalas

Bil.	Item	Kekerapan dan Peratus (N=384)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
D07	Saya suka dengan program dakwah anjuran JAHEAIK.	23 (6.0)	86 (22.4)	227 (59.1)	26 (6.8)	22 (5.7)	2.83	0.858	Sederhana
D08	JAHEAIK menjalankan pelbagai program yang bermanfaat kepada saya.	25 (6.5)	72 (18.8)	213 (55.5)	44 (11.5)	29 (7.6)	2.94	0.930	Sederhana
Min Keseluruhan							3.78	0.879	

Sumber: Soal selidik 2021

Bagi item maklum balas D07 hingga D08 (D07 Saya suka dengan program dakwah anjuran JAHEAIK min=2.83 sp=0.858; D08 JAHEAIK menjalankan pelbagai program yang bermanfaat kepada saya min=2.94 sp=0.930). Skala min bagi kedua-dua item ini menunjukkan nilai skala yang sederhana. Melihatkan kepada nilai min yang sederhana terhadap penglibatan masyarakat bukan Islam terhadap program yang dianjurkan oleh JAHEAIK pada item D02 hingga D06 yang dinyatakan sebelum ini, hal ini turut memberi kesan kepada skor nilai min terhadap manfaat yang diperoleh daripada program yang dianjurkan. Pelbagai usaha perlu dipergiatkan oleh JAHEAIK bagi menjalankan usaha dakwah dan aktiviti sosial bersama masyarakat bukan Islam di Kelantan untuk menaikkan imej JAHEAIK.

Bagi item D09 secara keseluruhan kekerapan penglibatan masyarakat bukan Islam terhadap program JAHEAIK secara peratus seperti Rajah 1.1 di bawah:



Rajah 1 Peratus kekerapan penglibatan masyarakat bukan Islam terhadap program JAHEAIK

Rajah 1 di atas menunjukkan kekerapan masyarakat bukan Islam melibatkan diri dalam program anjuran JAHEAIK. Item (i Bengkel sijil halal Tidak Pernah =85.7% Kadang-Kadang=8.1% Selalu=6.3%; ii Bantuan makanan Tidak Pernah=74.8% Kadang-Kadang=16.9% Selalu=8.3; iii Program Street Dakwah Tidak Pernah=86.2% Kadang-Kadang=8.1% Selalu=5.7%; iv Bantuan perayaan Tidak Pernah =79.2% Kadang-Kadang=6.5% Selalu=14.1%; v Lain-lain Tidak Pernah =76.3% Kadang-Kadang=10.4% Selalu=11.4%).

Daripada peratusan yang ditunjukkan di atas, majoriti masyarakat bukan Islam tidak pernah melibatkan diri dengan program yang telah dianjurkan oleh JAHEAIK.

Oleh itu, secara keseluruhannya responden daripada kajian ini menunjukkan bahawa dari pandangan masyarakat bukan Islam terhadap peranan JAHEAIK menunjukkan skala yang sederhana bagi setiap item. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat bukan Islam di Kelantan masih kurang mengenali JAHEAIK dari segi peranannya dalam komuniti masyarakat bukan Islam. Penglibatan masyarakat bukan Islam di Kelantan juga masih pada tahap yang rendah.

Kesimpulan

Kajian ini menjelaskan bahawa secara keseluruhannya masyarakat bukan Islam di Kelantan mempunyai persepsi yang sederhana pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) berdasarkan nilai min yang diperoleh melalui edaran soal selidik yang telah dijalankan.

JAHEAIK perlu mempergiatkan promosi dan penganjuran program bagi menarik minat masyarakat bukan Islam untuk lebih mengenali Islam secara umumnya dan JAHEAIK secara khususnya. Hal ini juga secara tidak langsung dapat mampu mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat berbilang kaum di Kelantan. Penganjuran program seperti sambutan perayaan, ziarah, pemberian bakul makanan dan lain-lain program yang bermanfaat perlu dijalankan secara menyeluruh di setiap jajahan dan komuniti masyarakat bukan Islam sebagai pengenalan kepada memperkenalkan JAHEAIK kepada masyarakat. Selain itu,

penganjuran program tersebut juga usaha dakwah yang boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah bagi menarik masyarakat bukan Islam untuk lebih mendalam Islam.

Oleh itu, secara kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat bukan Islam mempunyai persepsi yang sederhana terhadap JAHEAIK. Persepsi sedemikian perlu ditambah baik bagi memastikan objektif dan fungsi jabatan terlaksana.

Rujukan

- Anwar Hussien. 2017. Denda jika berseluar pendek di Kelantan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/333027/denda-jika-berseluar-pendek-di-kelantan> [1 Ogos 2022].
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. 2018. Statistik Pemegang Sijil Halal Kelantan Tahun 2018. http://www.jaheaik.gov.my/v6/index.php?option=com_jdownloads&view=summary&id=48:statistik-pemegang-sijil-halal-kelantan-tahun-2018&Itemid=359&lang=ms [5 April 2022]
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. 2022. <http://www.jaheaik.gov.my/> [10 September 2022]
- Rosliza Mohamed. 2017. Orang bukan Islam tak perlu bimbang. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/10/269246/orang-bukan-islam-tak-perlu-bimbang> [30 Julai 2022].
- Tschannen-Moran, M. & Garies, C.R. 2004. Principle's sense of efficacy: assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration* 42(5): 573-585.
- .